



Ruj. Kami : DOF.SEL.PPS 500/7/3/1

Tarikh : 11 September 2025

SIARAN MEDIA

OPS HURRICANE BERSEPADU SEPTEMBER 2025

SHAH ALAM, 11 September 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Negeri Selangor dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Selangor dan Pasukan Polis Marin (PPM) Pelabuhan Klang telah melaksanakan operasi bersepadu Ops Hurricane September 2025 bermula 9 hingga 10 September 2025.

Seramai 50 anggota penguat kuasa daripada ketiga-tiga agensi terlibat dalam menjayakan operasi ini, merangkumi pergerakan unsur darat dan laut secara serentak bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan di lapangan.

Operasi ini dilaksanakan sebagai usaha membanteras dan mencegah penggunaan peralatan menangkap ikan yang dilarang iaitu rawa sorong dan bubu naga, selaras dengan peruntukan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] dan Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980 (Pindaan 2024).

Pengarah Perikanan Negeri Selangor, Puan Noraisyah binti Abu Bakar, berkata Ops Hurricane Bersepadu adalah langkah proaktif dalam memastikan sumber perikanan negara terus terpelihara.

“Sebarang aktiviti penangkapan ikan menggunakan peralatan yang dilarang bukan sahaja melanggar undang-undang, malah mengancam kelestarian ekosistem laut dan menjejaskan pendapatan nelayan tempatan. DOF bersama agensi-agensi sahabat akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati ingkar,” katanya.

Antara objektif Ops Hurricane Bersepadu ialah mencegah dan membanteras penggunaan peralatan menangkap ikan yang dilarang, menyita vesel serta peralatan yang melanggar peruntukan undang-undang, serta memperkukuh kerjasama strategik antara DOF, APMM dan PPM. Operasi ini melibatkan pemeriksaan di beberapa jeti terpilih di Selangor, berdasarkan aduan dan maklumat risikan.

Jumlah sitaan sepanjang Ops Hurricane September 2025 termasuk 7 unit vesel enjin rotor beserta peralatan menangkap ikan rawa sorong di Bagan Nakhoda Omar, 4 set peralatan menangkap ikan rawa sorong di Jeti Nelayan Sungai Nipah, serta 450 unit bubu naga di Bagan Parit Baru, Sungai Air Tawar.

Kesemua barang sitaan telah dibawa ke Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor untuk tindakan lanjut siasatan di bawah Akta 317, dengan anggaran nilai keseluruhan sitaan sebanyak RM 97,000.

Penguatkuasaan undang-undang perikanan dilaksanakan secara adil dan saksama tanpa mengira bangsa, kaum atau latar belakang. Mana-mana individu atau pihak yang didapati melanggar peraturan tetap akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang berkuatkuasa.

Ops Hurricane adalah operasi berterusan, yang akan diteruskan dari semasa ke semasa. Pihak yang tidak dikesan pada operasi kali ini tetap akan dipantau, kerana penggunaan peralatan dilarang adalah kesalahan serius di bawah Akta 317.

DOF Selangor menegaskan penguatkuasaan ini adalah sebahagian daripada komitmen Malaysia dalam memerangi aktiviti Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IUUF) selaras dengan perjanjian antarabangsa termasuk *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) dan *Fisheries Subsidies Agreement* (FSA).

Jabatan Perikanan Negeri Selangor menyeru komuniti nelayan agar terus mematuhi undang-undang dan menjauhi penggunaan peralatan yang dilarang demi kelestarian sumber perikanan negara serta kesejahteraan masyarakat pesisir.

TAMAT

**Pengarah Perikanan Negeri
Selangor Darul Ehsan**
11 September 2025

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/folders/1ATwluMfSQjeZc48CcuKL1YyXZ-ITiv7t?usp=sharing>